

Mahathir tak mahu PKFN jadi gergasi

Um 3 - MAR 1961

KUALA LUMPUR 2 Mac. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan kerajaan tidak mahu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (PKFN) menjadi satu gergasi yang akhirnya menelan mereka yang sepatutnya ia membéri bimbingan dan bantuan.

Pemangku Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan bersedia membuat pindaan ke atas akta perbadanan itu dari masa ke semasa jika didapati peruntukan yang ada tidak lagi dapat mengembangkan industri filem tempatan.

Katanya, perbadanan itu yang akan dibentuk di bawah satu akta yang telah diluluskan di Parliamen lewat tahun lalu bukanlah diwujudkan untuk satu-satu golongan tertentu sahaja, tetapi untuk kepentingan semua pihak yang terlibat dalam industri berkenaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan ini ketika berucap merasmikan seminar dan pameran perfileman selama tiga hari anjuran kementerian itu di sini pagi ini.

Serentak dengan itu beliau juga secara rasmi mengumumkan pada tahun ini buat pertama kali kerajaan akan memberikan hadiah-hadiah wang tunai kepada beberapa pemenang dalam bidang filem terbaik, pengarah terbaik, aktor terbaik, aktries terbaik dan skrip terbaik.

"Hadiah-hadiah wang tunai dari kerajaan ini diharapkan dapat menggalakkan syarikat-syarikat filem tempatan bersaing hebat untuk mengeluarkan filem-filem yang bermutu," katanya.

Untuk mencapai matlamat yang dicitakan, beliau mengingatkan bahawa segala langkah kerajaan tidak akan memberi kesan yang positif jika masyarakat perfileman tidak mengambil tindakan tersendiri untuk meningkatkan taraf profesionalisme mereka.

Pemangku Perdana Menteri menarik per-

hatian, kerajaan memahami masalah industri filem tempatan bukannya terhadap kepada masalah pengeluaran, pengedaran, atau penayangan tetapi juga kekurangan tenaga terlatih dan peralatan juga menjadi sebab utama keadaannya sekarang.

"Sungguhpun perbadanan itu akan ditubuhkan dengan tujuan membantu mengatasi masalah ini, mereka perlulah menyedari bahawa industri filem tempatan tidak boleh terjamin jika ia semata-mata bergantung kepada bantuan-bantuan kebendaan dan perundangan kerajaan sahaja," tegas beliau.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Mahathir telah menekankan mustahaknya mereka mengemukakan filem-filem yang bermutu untuk dipersembahkan kepada tontonan masyarakat negara ini.

Katanya: "Saya ber-

pendapat dalam keadaan industri filem tempatan sekarang yang sedang mula hendak berkembang, kegagalan beberapa buah filem atau syarikat pengeluarannya akan mengakibatkan hilang kepercayaan orang ramai terhadap keupayaannya.

"Penonton-penonton sekarang adalah lebih kritis kalau dibandingkan dengan masa lampau kerana mereka sudah banyak berpeluang menonton filem-filem yang bermutu tinggi yang didatangkan dari luar negeri.

"Masyarakat umum tidak boleh dipaksa menyokong filem-filem tempatan jika mereka tidak puashati dengan apa yang dipersembahkan

kepada mereka."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah menegur ciri-ciri pembentukan setengah-setengah syarikat pengeluar filem yang menurutnya muncul oleh keinginan turut serta semata-mata memandangkan filem tempatan telah mendapat sambutan baik tanpa membuat perkiraan kemampuan dari segenap aspek terlebih dahulu.

"Misalnya ada syarikat-syarikat yang membuat publisiti apabila mereka bercadang mengeluarkan filem, tetapi setelah itu hasilnya tidak dapat dilihat oleh orang ramai," katanya sambil disambut oleh derai ketawa lebih kurang 300 orang para ha-

dirin.

Beliau seterusnya telah mengesyorkan supaya perhatian berat diberikan terhadap pengubahan etika-etika yang dapat mewujudkan disiplin dan kerjasama di kalangan persatuan pelawak, pemuzik, penyanyi dan pengeluar filem. Ini menurutnya dapat membuahkan hasil yang berkesan.

Sementara itu, Hakim Datuk Abdul Hamid Omar, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional, badan yang dibentuk pertengahan tahun lalu untuk menjalankan usaha memajukan industri filem tempatan menjelang pembentukan PKFN dalam ucapannya telah menghargai perhatian

berat yang diberikan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir terhadap industri itu.

Beliau memberitahu, seminar dan pameran tersebut yang bertajuk "Meneroka Sejarah Filem Tempatan" adalah bertujuan memberi peluang kepada semua mereka yang terlibat dalam industri filem membincangkan dari segenap aspek masa depan industri tersebut.

Empat kertas kerja di antaranya bertajuk kedudukan dan mutu filem tempatan, peranan filem di negara-negara demokrasi akan dibincangkan oleh para ahli panel yang terdiri dari ahli akademik, pengeluar filem, wartawan dan tokoh-tokoh tempatan yang lain.